

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap peniaga yang tidak menurunkan harga barangan sebelum dikenakan Goods And Services Tax (GST).

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menggerakkan kesemua anggota penguatkuasa seramai 2,124 orang dan ditempatkan di 73 pejabat Kementerian di seluruh negara bagi memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan pencatutan secara menyeluruh sepanjang menghadapi pelaksanaan GST dalam negara pada tahun 2015.

Sehubungan itu, Unit Antipencatutan yang diwujudkan di bawah Bahagian Penguatkuasa Kementerian turut memberi fokus kepada pemantauan dan penyiasatan aktiviti pencatutan oleh peniaga sepanjang pelaksanaan GST. Selain pegawai-pegawai Kementerian, pemantauan harga barang turut dilakukan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Penghulu dan Penggawa serta Badan-badan bukan Kerajaan berkaitan Kepenggunaan.

Selain daripada melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dan pematuhan ke atas pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 berikutan pelaksanaan GST, anggota penguatkuasa yang sama juga perlu menjalankan tugas-tugas lain seperti siasatan ke atas aduan-aduan lain yang diterima, menguatkuasakan perlindungan hak harta intelek bagi memastikan Malaysia kekal tidak tersenarai di dalam senarai *Watch List* oleh Laporan *Special 301 United State Trade Representatives (USTR)* sejak tahun 2012, membanteras penyelewengan barang-barang

bersubsidi, menguatkuasakan perlindungan ke atas hak-hak pengguna, menguatkuasakan dan mengawalselia bekalan serta lain-lain tugas yang diarahkan.